

17 MAR 1999

KAMPUNG BUKU MALAYSIA ANTARA YANG DILAWATI KUMPULAN SKIINA

LANGKAWI, 17 Mac (Bernama) -- Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang Ulu Melaka di sini merupakan antara tempat yang dilawati Skiina Group Jakarta Indonesia yang dalam kunjungan tiga hari ke pulau peranginan ini hari ini.

Anggota rombongan itu yang mengandungi 30 orang termasuk sembilan penyanyi wanita dan lima pemuzik turut membeli buku-buku agama dan bersiar-siar di sekitar perkampungan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara itu.

Rombongan itu tiba di sini semalam untuk mengadakan pertunjukan kebudayaan Islam di Kompleks Sukan Langkawi Khamis ini yang dijangka dirasmikan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Sebelum itu rombongan berkenaan turut melawat Galeria Perdana yang menempatkan koleksi cenderahati Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu Pengerusi Puspanita Langkawi Hajah Fatimah Datuk Abu Bakar hari ini berkata pertunjukan amal itu bertujuan untuk menggerakkan dana bagi membiayai pengajian anak-anak yatim di Aceh.

Kumpulan itu yang datang atas undangan kerajaan negeri Kedah dan dikelolakan oleh Pusapanita Langkawi, akan mengadakan persembahan lagu-lagu berunsur dakwah dan Aceh selama sejam di kompleks itu.

Fatimah mempelawa orang ramai hadir untuk menyaksikan pertunjukan itu secara percuma yang akan bermula pukul 9 malam.

-- BERNAMA

ZI NH RON